

## **KEGANASAN TERHADAP WANITA**

Oleh: Siti Mahani binti Muhamzir  
&  
Elinawati Maria binti Marzuki

### **PENGENALAN**

Keganasan terhadap wanita adalah perbuatan penganiayaan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan dalam pelbagai cara. Ianya meliputi semua bangsa, agama, pendapatan, kelas dan budaya. Ianya juga merupakan suatu bentuk penyalahgunaan kuasa yang sering berlaku apabila seorang pasangan cuba untuk mengawal atau mendominasi pasangannya. Perangkaan menunjukkan bahawa keskes keganasan terhadap wanita seperti rogol, gangguan seksual, keganasan rumah tangga, ragut dan lain-lain semakin membimbangkan pada masa ini kerana ianya bukan hanya mengakibatkan kecederaan fizikal dan mental kepada mangsa tetapi juga boleh mengakibatkan kematian.

Keganasan terhadap wanita boleh dertiakan sebagai apa-apa tindakan keganasan yang berdasarkan gender yang mengakibatkan atau kelihatan boleh mengakibatkan kecederaan fizikal, seks atau psikologi atau mengakibatkan penderitaan kepada wanita. Tindakan ini juga meliputi ugutan untuk melakukan perkara tersebut, paksaan atau perbuatan menyekat kebebasan, sama ada berlaku dalam kehidupan persendirian atau awam (Cronwell & Burgess, 1996).

Tindakan-tindakan keganasan yang lain terhadap wanita juga termasuk pelanggaran hak-hak kemanusiaan wanita terutamanya pembunuhan, perogolan terancang, perhambaan seks dan penghamilan tanpa kerelaan. Tindakan tersebut juga merangkumi keganasan bagi tujuan politik (*terrorism*), pemandulan dan keguguran tanpa rela, paksaan dalam menggunakan alat-alat atau ubat mencegah kehamilan dan pembunuhan fetus atau kanak-kanak perempuan. Panggilan telefon luncuh dan berunsur ugutan juga dicadangkan sebagai dari gangguan terhadap wanita yang boleh membawa kepada penderaan psikologi, terutamanya jika panggilan itu dibuat oleh bekas suami atau kekasih (Bradby, 1998).

## **MENGAPA WANITA MENJADI MANGSA?**

Kaum wanita lebih terdedah kepada keganasan berbanding lelaki walaupun mereka juga ada menjadi mangsa kepada keganasan wanita tetapi nisbahnya terlalu kecil dan kesan tindakan tersebut terhadap mereka adalah sedikit. Faktor gender memainkan peranan di mana lelaki disifatkan sebagai seorang yang gagah, tidak mudah terpengaruh dengan emosi, pantang dicabar, suka sesuatu yang ganas dan berkeinginan untuk selalu berada di tahap yang tinggi. Manakala wanita disifatkan subordinasi kepada lelaki, tidak suka kepada keganasan, lebih beremosi dan lebih mudah mengalah. Gambaran-gambaran ini sedikit sebanyak mempengaruhi tindakan keganasan oleh lelaki terhadap wanita.

Menurut Shariffah Nuridah Aishah dan Noor'Ashikin (2010), kumpulan wanita yang kerap menjadi mangsa keganasan adalah wanita dalam kumpulan minoriti, orang asli wanita, pendatang wanita, tebusan wanita, wanita yang hidup dalam kemiskinan yang terasing dari pembangunan, wanita dalam tahanan, kanak-kanak perempuan, wanita cacat dan berumur. Tindakan atau ancaman keganasan yang boleh mengakibatkan ketakutan dalam kehidupannya merupakan satu halangan dalam mencapai kesamarataan antara gender. Perasaan takut kepada keganasan adalah penghalang yang bersifat kekal untuk wanita mencapai kemajuan yang memberi kesan kepada kesihatan, kedudukan sosial dan ekonomi wanita serta menyekat kebebasan bergerak. Keganasan terhadap wanita merupakan satu mekanisme sosial yang memaksa wanita untuk berada di tahap yang rendah berbanding lelaki.

Berdasarkan kepada *Handbook for National Action Plans on Violence Against Women* (2012), kebanyakan keganasan terhadap wanita dilakukan oleh orang yang dikenali wanita tersebut dan kebanyakan kes tidak dilaporkan kerana masalah dalaman keluarga atau masalah peribadi. Keganasan terhadap wanita yang paling kerap adalah keganasan yang dilakukan oleh pasangan wanita yang merangkumi suami, bekas suami atau teman lelaki.

Di Malaysia, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia sehingga 2014, sebanyak 2,874 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan, sebanyak 4,123 kes

berlaku dalam tahun 2013 dan sebanyak 3,488 kes dilaporkan dalam tahun 2012. Bagi tempoh yang sama, purata kes keganasan rumah tangga yang mangsanya adalah wanita adalah sebanyak 3,103 kes setahun (Hentikan! Keganasan Terhadap Wanita, 2015).

## **KATEGORI-KATEGORI KEGANASAN WANITA**

Menurut Maizatul, Hazalina, Latifenossadat dan Faizah (2008) terdapat beberapa kategori keganasan terhadap wanita iaitu:

### **Penderaan Psikologi dan Emosi**

Ugutan, penghinaan, menjatuhkan maruah wanita boleh meninggalkan kesan buruk sama seperti penderaan fizikal kerana ianya boleh membahayakan nilai harga diri dan perasaan wanita dan keupayaan beliau mengawal kehidupan sendiri.

### **Penderaan Fizikal**

Memukul, menumbuk, menampar, menggigit, menendang, melukakan, mematahkan tulang, membaling barang dan menggunakan senjata adalah contoh jelas penderaan seumpama ini. Begitu juga dengan menghalang keperluan manusia seperti makan, minum, tidur dan tempat perlindungan adalah merupakan salah satu bentuk penderaan fizikal.

### **Penderaan Seksual**

Kategori penderaan seksual adalah seperti memaksa melakukan atau melihat sesuatu berbentuk seksual tanpa kemahanan wanita tersebut atau menyakiti wanita ketika melakukan hubungan.

### **Penderaan Sosial**

Penderaan ini sering berlaku di dalam rumah di mana wanita sering didorong untuk bergantung kepada pasangan masing-masing dan diasingkan dari mendapat sokongan luar.

### **Penderaan Kewangan**

Wanita yang dihalang dari mencari pekerjaan atau yang tidak dibenarkan untuk membuka akaun bank atau menyimpan wang pendapatannya sendiri sebenarnya menghadapi penderaan dari aspek kewangan. Tanpa kawalan terhadap kedudukan kewangannya akan menyebabkan seorang wanita tersebut bergantung sepenuhnya kepada tindakan orang lain untuk mendapatkan walaupun keperluan asas beliau.

## **PSIKOLOGI DAN PERSONALITI WANITA MANGSA KEGANASAN**

Menurut Fiore Lerner dan Kennedy (2000) sebanyak 18% - 74% wanita yang menjadi mangsa keganasan ini kembali menjalin hubungan dengan pemangsa walaupun didera dengan teruk. Lebih kurang 80% daripada wanita tersebut mempunyai '*schizoid personality*' dengan ciri-ciri suka menyendiri, tidak bergaul dengan masyarakat, bersikap pasif dan kurang memerlukan sokongan maupun bantuan daripada orang lain. Disebabkan personaliti ini, mereka lebih mudah menerima sahaja penderitaan akibat keganasan daripada mengambil langkah keluar dari situasi tersebut.

Terdapat juga wanita mangsa keganasan ini yang mempunyai personaliti pergantungan (*dependent personality*) iaitu memandang rendah kepada kebolehan diri sendiri, memandang tinggi kepada orang lain termasuk pemangsa, sering memerlukan bantuan, sokongan dan evaluasi orang lain dalam kehidupan seharian. Mereka ini sanggup hidup berterusan dengan pasangan yang menderanya dan risau jika dibiarkan sendirian.

Manakala menurut Herman (1992), terdapat juga wanita mangsa keganasan ini mengalami perubahan personaliti yang menjadikan mereka lebih mudah didera. Mereka mengikut sikap pemangsa yang implusif dan panas baran sehingga menyebabkan pertelingkahan mudah berlaku dan akhirnya menjadi mangsa.

Perubahan fikiran atau *cognitive distortion* wujud di kalangan wanita yang menjadi mangsa keganasan. Mereka mempunyai tanggapan yang tidak munasabah tentang kehidupan mereka sendiri. Ada yang menidakkannya atau menafikan dakwaan mereka menjadi mangsa dan ramai di antara mereka beranggapan keganasan yang berlaku hanyalah perkara kecil dan besifat sementara. Mereka tidak dapat melihat bahawa menjadi mangsa keganasan itu sebagai merbahaya terhadap kesihatan mental dan fizikal serta anak-anak (Perez, 2007).

Ada juga di kalangan mereka yang diselubungi perasan berbelah bahagi atau *ambivalent feeling* yang menaruh harapan bahawa suatu hari kelak hubungan mereka dengan pemangsa akan menjadi baik walaupun sudah hidup menderita yang agak lama.

Terdapat tanda-tanda kemurungan yang dialami oleh wanita mangsa keganasan seperti bersikap pesimistik, tiada motivasi, berasa tidak berguna, menyalahkan dan mencederakan diri sendiri. Menurut Walker (1979), wanita yang berulang kali didera mengalami kemurungan dan mempunyai pemikiran yang mereka tidak akan berjaya membebaskan diri sehingga berasa menyerah kalah, tiada motivasi untuk berusaha melepaskan diri walaupun peluang untuk berbuat demikian sudah terbuka.

## **MENGAPA MASIH BERLARUTAN?**

Menurut Walker berdasarkan *The Cycle of Violence* atau Kitaran Keganasan terdapat 3 fasa dalam setiap pusingan penderaan yang menunjukkan bagaimana tindakan keganasan ini masih lagi berterusan. Setiap pusingan penderaan tersebut adalah fasa pertama peningkatan tekanan (*tension building*), fasa kedua insiden

keganasan (*the acute battering incident*) dan fasa ketiga berbulan madu (*the calm respite*) (Chapman & Gates, 1987).



### **Kitaran Keganasan (*The Cycle of Violence*)**

#### **Fasa 1: Peningkatan Tekanan (*tension building*)**

Semasa fasa ini, pemangsa atau suami akan menyerang pasangan dengan kata-kata yang kesat dan tuduhan yang menyakitkan hati pasangan akibat kesalahan kecil wanita tersebut. Pergaduhan kecil mungkin berlaku. Pada waktu ini, wanita yang menjadi mangsa akan menjadi pasif, berada dalam ketakutan, mendiamkan diri, cuba untuk tidak mencetuskan kemarahan pemangsa. Mereka sering menyalahkan diri sendiri kerana tidak dapat mengawal keadaan. Namun kemarahan lelaki atau suami biasanya berterusan dan meningkat sehingga tidak dapat dikawal.

### **Fasa 2: Insiden Keganasan (*the acute battering incident*)**

Semasa fasa ini, tekanan atau stress memuncak sehingga ke peringkat maksima dan berakhir dengan keganasan. Ia biasanya berlaku akibat masalah luaran, masalah yang telah lalu atau masalah emosi suami itu sendiri dan kadang-kadang tiada kaitan langsung dengan wanita tersebut. Pada ketika ini, penderaan fizikal, seksual atau pembunuhan boleh berlaku.

### **Fasa 3: Berbulan Madu (*the calm respite*)**

Setelah keganasan dan pergaduhan berlaku, pasangan kembali ke fasa ini. Suami menjadi terlalu pemaaf, kononnya menginsafi kesalahan mereka, menjadi sangat penyayang dan berjanji tidak akan melakukan perbuatan tersebut lagi pada masa hadapan. Mangsa atau wanita ini cuba mempercayai dan kasih sayang yang diberikan oleh suami pada fasa ini menjadi hadiah (*reward*) yang sangat penting kepada wanita tersebut. Wanita ini akan mengalami perasaan rasa bersalah sekiranya meninggalkan keluarga, merasakan diri mereka bertanggungjawab sebagai isteri untuk menjaga kebijakan suami dan anak-anak.

Dari semasa ke masa, kitaran keganasan akan beralih. Tempoh fasa bulan madu akan menjadi lebih pendek, fasa ketegangan dan keganasan mula bertambah. Menurut Frances B. Woods (1981) terdapat bermula 5 fasa pada kitaran keganasan.

### **Fasa 1: Penafian (*Denial*)**

Fasa ini merupakan peringkat awal wanita yang menjadi mangsa biasanya menidakkannya atau menganggap keganasan yang berlaku hanyalah perkara kecil. Contohnya, "Tiada apa yang berlaku. Perkara kecil sahaja. Saya ditampar sedikit sahaja. Kemudian saya terjatuh, sebab itu pipi saya lebam." Mereka mudah merasa malu jika perkara tersebut diketahui oleh orang lain. Stigma sebagai mangsa keganasan masih berleluasa dalam sesetengah masyarakat dan budaya.

### **Fasa 2: Menyalahkan Diri Sendiri (*Self Blame*)**

Semasa fasa ini, wanita yang menjadi mangsa mula sedar bahawa diri mereka menjadi mangsa keganasan. Tetapi akibat sentiasa dipersalahkan oleh pemangsa dan tambahan pula sifat wanita yang suka merendah diri, lantas menyalahkan diri sendiri sebagai pencetus perbalahan. Contohnya "Saya yang perlu dipersalahkan sebab cuba meminta duit. Kalau saya duduk diam-diam, perkara ini tidak akan berlaku".

### **Fasa 3: Memohon Bantuan (*Seeking Help*)**

Setelah tidak tahan didera, ramai wanita yang menjadi mangsa sebenarnya cuba mendapatkan bantuan. Malang bagi mangsa penderaan ini kerana keluarga tidak memahami dan ramai ibu bapa yang menyalahkan mangsa kerana tidak pandai menjaga suami. Alasan isteri perlu patuh kepada perintah suami dan orang lain tidak perlu campur tangan dalam urusan rumah tangga bukan sahaja diberi oleh ibubapa malahan pihak berkuasa. Terdapat wanita yang melaporkan kes mereka kepada pihak berkuasa hanya pulang dengan tangisan kerana alasan yang sama. Wanita yang kurang berpengetahuan juga mempunyai perasaan takut dengan selok belok perundangan. Ramai di antara mereka terutamanya di luar bandar tidak mempunyai maklumat mengenai rangkaian sokongan sosial yang dapat membantu mangsa-mangsa penderaan. Akhirnya wanita ini berasa putus harapan dan kembali tertekan dalam lingkungan keganasan ini.

### **Fasa 4: Hubungan Tinggal dan Kembali (*Ambivalence*)**

Pada fasa ini, wanita cuba menguatkan semangat untuk lari dari hubungan yang menderitakan ini. Namun ramai yang kembali meneruskan hubungan. Mereka dihantui perasaan yang berbelah-bahagi. Mereka mungkin cuba hidup sendiri dan bebas daripada penderaan tetapi ramai yang kembali bersama kerana terlalu sayangkan suami, bertanggungjawab dan masih menaruh harapan agar pemangsa berubah. Terdapat juga wanita yang meninggalkan pemangsa hanyalah untuk menguji mereka, sama ada boleh

berubah dan masih menyayangi mangsa atau sebaliknya. Terdapat wanita yang meneruskan hubungan kerana risaukan keselamatan anak-anak yang mungkin dijadikan sebagai tebusan agar beliau kembali atau didera dengan lebih teruk lagi. Akhirnya ramai mangsa yang kembali kepada lingkungan kehidupan sebagai mangsa penderaan kerana kurang sokongan keluarga dan pandangan negatif masyarakat.

### **Fasa 5: Kehidupan Tanpa Keganasan (*Living Without Violence*)**

Ini merupakan fasa terakhir. Wanita yang mencapai fasa ini kebanyakannya mempunyai sokongan kuat dan berterusan daripada keluarga dan masyarakat. Namun ketakutan dan perasaan rendah diri di kalangan mereka masih terus berpanjangan dan mengambil masa yang lama untuk diubati.

## **KESAN DAN PUNCA KEGANASAN TERHADAP WANITA**

Insiden keganasan terhadap wanita akan meninggalkan kesan buruk ke atas mangsa. Mangsa akan menanggung kesengsaraan akibat kecederaan fizikal dan masalah kesihatan di samping mengalami trauma akibat gangguan mental dan emosi seperti rasa takut, tekanan perasaan dan rasa rendah diri. Bagi mangsa rogo di samping kecederaan fizikal, mangsa juga menanggung risiko kehamilan dan jangkitan penyakit HIV/AIDS serta penyakit kelamin atau STD (*Sexually Transmitted Diseases*). Trauma yang dialami akibat dipandang hina oleh masyarakat dan kehilangan harga diri akan meninggalkan kesan buruk kepada mangsa sepanjang hayat mereka.

Keganasan yang berlaku turut memberi implikasi kepada individu di sekeliling mangsa. Contohnya, bagi kes keganasan rumah tangga, ia akan turut memberi kesan negatif kepada anak-anak terutama daripada sudut psikologi. Kanak-kanak yang menyaksikan penderaan tersebut akan lebih mudah menjadi sugul atau berasa kurang berupaya. Mereka juga akan menyisihkan diri serta akan menjadi individu yang agresif atau pasif.

Bagi mengatasi masalah yang semakin membimbangkan ini, kita perlu mengenalpasti punca berlakunya keganasan terhadap wanita. Secara umumnya mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Sekretariat Komenwel antara faktor di peringkat global yang menyebabkan berlakunya keganasan terhadap wanita adalah:

- i. Tradisi, struktur sosial dan sistem nilai yang meletakkan lelaki sebagai ketua iaitu ketua keluarga dan pembuat keputusan serta mempunyai kuasa ekonomi dan sosial (*patriarchy and machismo*);
- ii. Ketidaksamaan kuasa perhubungan (*unequal power relations*) antara lelaki dan wanita ini menyebabkan wanita sering menjadi mangsa keganasan;
- iii. Sikap masyarakat yang menganggap wanita/kanak-kanak perempuan sebagai kaum yang lemah, emosional, tidak rasional dan merupakan harta kepada kaum lelaki;
- iv. Persepsi bahawa wanita patut menerima hukuman kerana melakukan kesalahan atau mempunyai tingkah laku buruk dalam urusan rumah tangga; dan
- v. Pelaku dipengaruhi alkohol atau dadah, perasaan cemburu serta dendam.

Mengikut pihak Polis DiRaja Malaysia, sikap mangsa keganasan rumah tangga yang tidak berani membuat laporan polis kerana perasaan malu serta bimbang pengaduan yang dibuat akan menjelaskan kerukunan rumah tangga telah menyumbang berlakunya keganasan terhadap mereka. Mereka juga merasakan suami adalah penting sebagai pelindung serta bimbang anak akan menjadi turut menjadi mangsa.

Di samping itu juga, faktor psikologi pelaku itu sendiri telah menyumbang kepada keganasan. Umpamanya bagi jenayah rogol, terdapat empat kategori perogol iaitu: untuk menunjukkan kekuasaan (*power assertive*); untuk melepaskan rasa marah (*anger retaliation*); akibat merasa diri mereka kurang berkuasa (*power inferior*); dan akibat *anger excitation* atau *sadistic*.

## **LANGKAH MEMBANTERAS KEGANASAN TERHADAP WANITA**

Tanggungjawab membanteras keganasan terhadap wanita bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata. Sebaliknya ia merupakan tanggungjawab bersama yang harus dipikul oleh semua pihak iaitu kerajaan, NGO, swasta dan masyarakat. Ia juga memerlukan penggembangan tenaga antara kaum lelaki dan wanita. Ini bermakna kejayaan dasar dan program bagi menangani jenayah tersebut bergantung kepada kerjasama padu dan komitmen semua pihak yang terlibat. Pendekatan yang diambil juga haruslah merupakan pendekatan yang holistik, meliputi aspek pencegahan, intervensi dan pemulihan.

Usaha bersepada perlu diambil bagi meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya wanita terhadap tanggungjawab dalam menangani isu keganasan terhadap wanita. Program kesedaran dan latihan berkaitan keganasan terhadap wanita hendaklah melibatkan setiap lapisan masyarakat termasuk kaum lelaki. Perkhidmatan sokongan sosial perlu ditingkatkan terutama aspek pencegahan, pelindungan dan pemulihan.

Peningkatan kes penderaan terhadap wanita terus berlaku dari tahun ke tahun haruslah diberi perhatian yang serius oleh semua pihak. Kita tidak boleh leka meskipun jika dibandingkan dengan negara-negara luar, kadar keganasan yang dilaporkan di Malaysia adalah masih di tahap terkawal.

## **RUJUKAN**

Bradby H. (1998) Defining Violence: Understanding the Causes and Effects of Violence. Ashgate Publishing Limited. Aldershot: Avebury.

Chapman R., Gates M. (1987) The Victimization of Women. Beverly Hills, CA: Sage Publications.

Cronwell N.A, Burgess A.W. (1996) Understanding Violence Against Women. National Research Council. Washington D.C.: National Academy Press.

Fiore Lerner, C., & Kennedy, L. T. (2000). Stay-Leave Decision Making in Battered Women: Trauma, Coping and Self-Efficacy. *Cognitive Therapy and Research*, 24, 215-232.

Frances B. Woods (1981) Living Without Violence: A Community Approach to Working with Battered Women and Their Children. Project for Victims of Domestic Violence.

Hentikan! Keganasan Terhadap Wanita (2015) Putrajaya: Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia.

Herman, J. L. (1997). Trauma and Recovery: The Aftermath of Violence – from Domestic Abuse to Political Terror. New York: Basic Books. Chapter 1, pp.7-32.

Maizatul Akmam binti Abdul Bakar, Hazalina binti Mohd Haniff, Latifenossadat Madanian & Faizah binti Abd Ghani (2008) Keganasan Rumah Tangga: Corak, Punca & Kaedah Penyelesaian. Seminar Kaunseling Keluarga.

Shariffah Nuridah Aishah binti Syed Nong Mohamad & Noor'Ashikin binti Hamid (2010) The Crime of Domestic Violence Against Women In Malaysia: Its Concept & Solutions. Universiti Teknologi MARA.